

22 APR 1999

MAHATHIR-DASAR

DASAR KEWANGAN, FISKAL UTK HALANG KEMUNCULAN TEKINAN HARGA

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Dasar kewangan dan fiskal bagi tempoh baki Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT), tahun ini dan tahun depan, dibentuk untuk menghalang kemunculan tekanan harga, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Pada masa yang sama, kerajaan akan terus memastikan pertumbuhan digalakkan, katanya ketika membentangkan usul mengenai Kajian Separuh Penggal RMT di Dewan Rakyat, di sini.

Dalam pengurusan ekonomi makro, beliau berkata kerajaan akan menumpukan usaha-usaha untuk meperudahkan pertumbuhan, membendung tekanan inflasi, meningkatkan kedudukan luaran, menghapuskan jurang sumber dan mempertahankan imbalan fiskal berhemat.

"Usaha-usaha untuk mengukuhkan kedudukan luaran akan ditumpukan kepada meningkatkan eksport dan mengurangkan defisit dalam akaun perkhidmatan dengan memberi galakan yang lebih agresif kepada sub-sektor pelancongan, pendidikan dan perkhidmatan pelabuhan," katanya.

Dr Mahathir berkata sektor awam akan berperanan menggiatkan di samping mengekalkan fiskal yang berhemat dan juga pentadbiran korporat.

"Kami akan terus mengusahakan belanjawan defisit di tahap yang boleh diuruskan dan kembali kepada kedudukan lebih baik sahaja ekonomi mengukuh," katanya.

Dr Mahathir berkata perbelanjaan sektor awam kebanyakannya akan ditumpukan kepada projek-projek yang mempunyai tempoh pembangunan yang singkat yang boleh menyumbang ke arah meningkatkan eksport dan mengurangkan import.

Selain itu, ia juga akan diarahkan kepada projek-projek yang menghasilkan permintaan bagi barangan dan perkhidmatan dalam negeri serta menggalak dan menyokong projek yang disasarkan kepada kumpulan pendapatan rendah dan isirumah miskin, katanya.

Justeru, peruntukan pembangunan kerajaan persekutuan akan ditingkatkan sebanyak RM22 bilion kepada RM89.5 bilion daripada RM67.5 bilion.

Daripada jumlah peruntukan itu, 48.2 peratus akan diagihkan kepada sektor ekonomi, 30.9 peratus kepada sektor sosial, 12.8 peratus kepada keselamatan dan 8.1 peratus kepada pentadbiran am.

"Secara keseluruhannya, peruntukan pembangunan yang dicadangkan boleh dikekalkan pada 16.3 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) dari segi perangkaan semasa dan 17.6 peratus dari segi perangkaan sebenar, iaitu lebih rendah berbanding di bawah Rancangan Malaysia Keenam, di mana ia mencerminkan komitmen negara untuk terus mengurangkan saiz sektor awam," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata sejak pelaksanaan program penswastaan pada 1983, sejumlah 434 projek telah diswastakan, di mana 68 daripadanya diswastakan sepanjang tempoh kajian RMT 1996-1997.

Beliau berkata kerajaan menjimatkan RM129.1 bilion dalam perbelanjaan modal menerusi penswastaan selain memperolehi hasil daripada jualan aset dan ekuiti berjumlah RM21.5 bilion.

Selain itu, lebih daripada 105,000 kakitangan sektor awam dipindahkan ke sektor swasta, katanya, sambil menambah pekerja-pekerja terbabit memperolehi faedah secara terus daripada kenaikan upah dan pendapatan.

Dr Mahathir berkata entiti diswastakan ketika ini menyumbang bagi 29.3 peratus daripada permodalan pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), menunjukkan sumbangan ketara kepada pasaran modal yang diperbesarkan.

Beliau juga berkata penswastaan Tenaga Nasional Bhd dan Telekom Malaysia Bhd bersama-sama menyumbangkan RM4.7 bilion daripada segi cukai korporat, membolehkan kerajaan membiayai projek pembangunan.

Penswastaan telah meningkatkan penyertaan Bumiputera, program pembangunan vendor, pemindahan teknologi serta penyelidikan dan pembangunan, katanya.

Beliau menambah pengguna-pengguna juga memperolehi manfaat daripada tersedianya kemudahan awam yang lebih cekap dan berkualiti tinggi dengan peningkatan kos yang minimum.

Bagi usaha untuk mengukuhkan sektor kewangan sepanjang tempoh RMT, Dr Mahathir berkata Bank Negara akan terus mengukuhkan rangka kerja kawal seliaan sistem perbankan.

Beliau berkata satu sistem amaran awal akan dimajukan untuk menyediakan amaran mencukupi bagi status institusi kewangan individu bagi membolehkan langkah-langkah awal diambil untuk mengelak kegagalan bank dan membendung pelbagai gabungan risiko.

Perdana Menteri juga mengumumkan satu rancangan menyeluruh yang termasuk merumuskan strategi baru bagi alaf yang akan datang, sedang dirangka bagi perbankan Islam.

"Garis panduan baru dan sasaran bagi perbankan Islam akan diperkenalkan termasuk pembangunan seterusnya unit perbankan Islam dalam institusi perbankan sedia ada," katanya.

Usaha-usaha juga akan diambil untuk menggalakkan pertumbuhan pasaran modal Islam, terutama yang terbabit dalam ekuiti Islam, sekuriti hutang swasta dan kegiatan pengurusan dana.

Pasaran bon akan dimajukan untuk menyediakan satu sumber tambahan pembiayaan pelaburan di samping mengurangkan tumpuan risiko dalam sistem perbankan, tambahnya.

Dr Mahathir berkata sehingga 20 April, 1999, Pengurusan Danaharta Nasional Bhd telah memperolehi pinjaman tidak berbayar kasar (NPL) berjumlah RM12.6 bilion serta menguruskan NPL kasar termasuk faedah tergantung berjumlah RM11.6 bilion.

Sementara itu, Danamodal Nasional Bhd, telah menyuntik sejumlah RM6.4 bilion untuk membuat permodalan semula 10 institusi perbankan dalam bentuk pinjaman modal subordinat boleh tukar (ESCL), tambahannya.

Mengenai cadangan memulihkan pertumbuhan di dalam sektor pembuatan, Dr Mahathir berkata kerajaan akan memperkenalkan langkah-langkah dan insentif yang akan membantu meningkatkan keyakinan pelabur, menggalakkan pelaburan semula dan kepelbagaian eksport.

Beliau berkata kerajaan akan meningkatkan pengembangan perindustrian dan kepelbagaian untuk membaiki pertumbuhan KDNK yang negatif dan pembentukan modal dalam negeri rendah pada 1998 dan yang lebih penting, menjadikannya sebagai satu sumber mewujudkan kekayaan baru menerusi industri pertumbuhan baru dan teknologi canggih.

Industri berorientasikan eksport berasaskan sumber akan diberi kepentingan utama, katanya.

Perdana menteri berkata tumpuan khusus akan diberikan untuk meningkatkan produktiviti dan menggiatkan kegiatan hiliran dengan perhatian diberikan kepada pengeluaran produk baru dan diperbaharui dalam industri berasaskan sumber.

Dr Mahathir berkata industri baru dan sedia ada akan digalakkan menjadi lebih cekap dalam meningkatkan mutu teknologi dan pemprosesan mereka untuk mengeluarkan produk mewah, bahagian-bahagian dan komponen berkualiti serta membaiki kepercayaan bekalan mereka.

"Sehubungan dengan perkara itu, industri-industri digalakkan untuk menerima pakai ISO 9000 dan Standard Pengurusan Alam Sekitar atau siri ISO 14001 (ulangan ISO14001)," katanya.

Menurutnya, EXIM Bank of Malaysia, dengan kemudahan pembiayaan RM4 bilion, akan menjadi jentera utama dalam menyediakan pembiayaan perdagangan bagi sektor pembuatan.

Dr Mahathir berkata sektor IKS akan digalakkan untuk bergabung atau menggabungkan aktiviti bagi memperolehi ekonomi berskala, mempelbagaikan asas pasaran mereka dan menembusi pasaran global.

Kerajaan, tambahnya, akan memudah dan mempercepat pembabitan lebih besar IKS dalam pasaran eksport menerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC).

Menyedari kepentingan pelaksanaan yang berkesan dasar-dasar bagi pemulihan ekonomi, beliau berkata, kerajaan akan mengukuhkan kapasiti, kecekapan dan keberkesanan agensi-agensi kerajaan.

Ia akan membolehkan mereka memenuhi cabaran dan melaksanakan projek mengikut jadual dan menghalang kelewatan yang boleh menjejaskan proses pemulihan serta pencapaian matlamat pembangunan negara.

Saluran komunikasi kerajaan akan terus diperkukuhkan dan penggunaan sepenuhnya teknologi maklumat untuk memastikan pelaksanaan dan penyelarasan dasar, program dan projek yang berkesan bagi merealisasikan matlamat pembangunan negara, katanya.

Dr Mahathir juga berkata peranan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) akan terus dipertingkatkan sebagai badan perunding kepada Kabinet untuk menangani masalah ekonomi dan memulihkan ekonomi.

Mengenai unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, beliau berkata ia dijangka berkembang sebanyak satu peratus tahun ini dan lima peratus tahun depan.

"Senario menyakinkan ini adalah berasaskan kepada pembangunan positif seperti yang ditunjukkan dalam permintaan agregat, jangkaan pertumbuhan dalam keluaran mengikut sektor, lebihan dalam imbalan bayaran dan simpanan agregat yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pelaburan," jelas Dr Mahathir.

Menyentuh mengenai ekonomi dunia, beliau berkata ia diramalkan berkembang pada purata 2.3 peratus bagi tempoh 1999-2000.

-- BERNAMA
AD ZK JR/OS